

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG – UNDANG KECIL VANDALISME
(MAJLIS PERBANDARAN TAIPING) 1992

PADA menjalankan kuasa – kuasa yang diberi di bawah seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Perbandaran Taiping dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang – undang kecil berikut:

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Taiping) 1992 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Taiping.

2. Dalam undang-undang kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“binatang” termasuk burung, serangga dan hidupan air;

“harta Majlis” ertinya apa-apa harta alih atau tak alih yang dipunyai, dibina, diuruskan, disewa atau diselenggarakan oleh Majlis yang terletak atau yang ada di dalam, di bawah atau di atas mana-mana tempat awam atau persendirian di dalam kawasan Majlis dan apa-apa harta mana-mana pihak atau orang yang berkontrak dengan Majlis yang digunakan bagi maksud memenuhi atau melaksanakan kontrak itu dan termasuklah apa-apa kerja yang dijalankan oleh Majlis dan mana-mana binatang, pokok, tumbuh-tumbuhan, rumput, sungai, tasik dan anak sungai yang di bawah penjagaan atau kawalan Majlis;

“kerja” ertinya mana-mana kerja yang dijalankan oleh Majlis di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang ada di dalam, di bawah atau di atas mana-mana tempat awam atau persendirian di dalam kawasan Majlis;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Taiping;

“tempat awam” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976;

“tempat persendirian” ertinya mana-mana tempat selain daripada tempat awam;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping.

3. (1) Tiada seorang pun boleh, melainkan dengan kebenaran atau kuasa secara bertulis diberi oleh Yang Dipertua-

- (a) menulis, melukis, mengecat, menyembur, menanda, mencakar, mencalar atau mengukir apa-apa perkataan, slogan, karikatur, simbol atau apa-apa jua pun di atas harta Majlis;
- (b) memasang, melekatkan, menampalkan, menunjukkan atau mempamerkan apa-apa poster, pekat, iklan, surat tempelan, peringatan, kertas atau apa-apa perkataan lain di atas harta Majlis;
- (c) menggantung, menyangkut, menaikkan, melekatkan atau mempamerkan apa-apa bendera, panji-panji bendera, sepanduk atau yang menyerupainya dengan sesuatu slogan, karikatur, lukisan, simbol atau apa-apa perkataan lain di atas harta Majlis;
- (d) memakukan, mengikat, menyimpul atau merantai apa-apa benda ke atas harta Majlis;
- (e) mencuri, mengalih, mengganggu, mengusik, memindah, mencacatkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa harta Majlis;
- (f) membuat apa-apa ubahan kepada apa-apa harta Majlis;
- (g) mengalih, meminda, mengusik, mencacatkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa jua yang dipamerkan, digantung, didirikan, dilekatkan, dinaikkan atau disangkutkan oleh Majlis;
- (h) meludah, kencing atau membuang air besar di dalam atau di atas mana-mana harta Majlis kecuali di tempat yang telah disediakan bagi maksud itu;

- (i) mengotorkan atau mencemarkan air di mana-mana pancutan air, kolam renang, sungai, tasik atau anak sungai yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;
- (j) memotong, menggali, mengalih, memetik, membantun, merosakkan atau memusnahkan mana-mana pokok, tumbuh-tumbuhan, bunga, daun atau dahan mana-mana pokok atau tumbuh-tumbuhan, atau mana-mana pokok atau tumbuh-tumbuhan, atau rumput yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;
- (k) mengorek atau mengalih tanah dari mana-mana harta Majlis;
- (l) memerangkap, menangkap, mendera, membunuh, memberi makan atau mengganggu mana-mana binatang kepunyaan Majlis atau yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;
- (m) menunggang, memandu, menolak atau menarik apa-apa kenderaan sama ada yang digerakkan secara mekanikal atau selainnya atau meluncur dengan skate di atas mana-mana harta Majlis yang tidak dibenarkan bagi maksud itu; atau
- (n) melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan kerosakan kepada harta Majlis.

(2) Mana-mana orang yang melakukan mana-mana perbuatan vandalisme yang tersebut di atas atau cuba melakukan mana-mana perbuatan itu atau menyebabkan mana-mana perbuatan itu dilakukan adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi seribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya dan mengenai kesalahan yang berterusan boleh selanjutnya didenda tidak melebihi seratus ringgit bagi setiap hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

4. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberikuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh-

- (a) menyita atau mengalih apa-apa benda yang didapati tergantung, dinaikkan, ditampal, diikat, disimpul, dirantai, dipakukan, dilekatkan, disangkut, dipamerkan atau dipertunjukkan di atas mana-mana harta

Majlis yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini; atau

(b) memadam apa-apa tulisan, gambar, lukisan, tanda, cakaran, calar atau ukiran yang dibuat oleh mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Apa-apa tindakan yang diambil oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberikuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua di bawah perenggan (1) tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang mana-mana orang daripada dikenakan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Diperbuat pada 28hb Disember 1990.

[A1/10/2/31; P.U. Pk. 22/75.]

HILMI BIN ABDULLAH,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran, Taiping

Disahkan pada 8hb Januari 1992.

[PSUK Pk. (KT-AM) 30/14/2/2.]

MUHAMMAD FADZIL BIN KHALID,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Perak